

Headline	Rawatan berkala		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	21 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	13	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	259 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,448
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,344



Rawatan berkala

Syarat wanita hidap HIV boleh berkahwin, dapat zuriat bebas virus

KUALA LUMPUR: Wanita yang menghidap HIV bukan saja boleh berkahwin, malah mampu memperoleh cahaya mata bebas daripada virus berbahaya itu dengan syarat dia perlu mendapatkan rawatan secara berkala.

Pakar Perunding Kanak-Kanak dan Penyakit Berjangkit, Institut Pediatrik Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Kamarul Azahar Mohd Razali berkata, bayi yang dikandung wanita positif HIV mempunyai risiko 25 hingga 30 peratus untuk dijangkiti jika tidak menerima sebarang kaedah rawatan.

Bagaimanapun, katanya, jika penghidap HIV itu menerima rawatan secara berkala risiko itu boleh dikurangkan sehingga 3.6 peratus.

“Daripada sudut perubatan wanita yang menghidap HIV tidak digalakkan mengandung serta melahirkan anak, tetapi jika mereka mahu atau ‘termengandung’, mereka boleh meneruskan kehamilan dan kami akan pastikan mereka mendapat rawatan susulan.

“Antara rawatan yang diberikan ialah pemberian ubat Anti Retro Viral (ARV) serta memantau jumlah virus dalam darah orang yang membawa HIV,” katanya ketika dihubungi.

Dr Kamarul Azahar berkata, dua pertiga daripada bayi yang dijangkiti HIV berlaku ketika proses kelahiran dan bagi me-

ngurangkan risiko itu, Caesarean mungkin perlu dilakukan.

“Mereka juga boleh melahirkan anak secara normal, tetapi proses itu perlu dipercepatkan selain jumlah virus dalam ibu perlu dipantau,” katanya.

Selain itu, mereka tidak boleh menyusui bayi kerana ia boleh berjangkit menerusi susu badan,” katanya.

Beliau berkata, dalam konteks perhubungan seks, pasangan itu perlu menggunakan kondom dan sekiranya isteri mendapati sudah melewati pusingan haid, dia perlu mendapatkan nasihat doktor untuk memastikan sama ada dia mengandung.

“Jika dia disahkan mengandung, doktor akan merujuknya kepada pakar penyakit berjangkit dan obstetrik untuk rawatan lanjut serta khidmat nasihat.

“Rawatan dan pengambilan ubat ARV perlu dipastikan mengikut jadual. Ketika menerima rawatan itu, kami akan pantau jumlah virus dalam darah,” katanya.

Dr Kamarul Azahar berkata, persepsi negatif masyarakat terhadap orang yang hidup dengan HIV/Aids perlu diubah kerana ia penyakit yang boleh dicegah dan dirawat walaupun tiada kaedah atau ubat penyembuhan.

“Di kalangan masyarakat, masih ada beranggapan apabila dijangkiti HIV jawapannya adalah mati. Itu pandangan yang salah kerana apabila sampai ke tahap Aids, kemungkinan berlaku kematian memang tinggi, namun ia masih dapat dicegah dengan rawatan ARV.

“Ia sama seperti penyakit kronik lain seperti darah tinggi dan diabetes, jika tidak dikawal dan terus menjalani kehidupan tidak sihat, risiko kematian tetap ada,” katanya.

Beliau berkata, masyarakat sepatutnya perlu bimbang dijangkiti penyakit hepatitis B atau hepatitis C yang lebih berisiko tinggi untuk dijangkiti.

“Hepatitis B mempunyai risiko dijangkiti 100 kali ganda manakala hepatitis C ialah 10 kali ganda lebih tinggi dari HIV. Kedua-dua penyakit ini juga mampu menyebabkan kematian,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berkata, jika ada di kalangan pasangan bakal berkahwin dikesan positif HIV melalui ujian saringan, mereka akan diberi kaunseling untuk menentukan sama ada mahu meneruskan hasrat hidup sebagai suami isteri atau tidak.

“Jika mereka mahu berkahwin, proses kaunseling akan diberikan dari semasa ke semasa. Kementerian Kesihatan juga akan memantau kandungan jika isteri hamil dan memberi nasihat secara berkala,” katanya.



IMBASAN...laporan Harian Metro, semalam.